

# INTERNET MEMUDAHKAN KEHIDUPAN SEPANJANG PKP

Oleh: Fatin Ezzati binti Mohd Fauzi, 1171203,  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

*Disiarkan pada 21 Ogos 2020*



*(Gambar sumber internet)*

Teknologi internet sememangnya sangat membantu dalam mempermudah banyak urusan kita semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan bagi mengekang penularan COVID-19.

Kita dapat melihat banyak manfaat yang diterima rakyat hasil daripada capaian internet yang baik yang disediakan oleh syarikat telekomunikasi tempatan.

Pertama, rakyat Malaysia boleh menggunakan media sosial untuk menghubungi saudara-mara dan rakan-rakan yang jauh, lebih-lebih lagi ketika Hari Raya Aidilfitri.

Memandangkan perjalanan rentas sempadan negeri tidak dibenarkan ketika itu, kita boleh berkomunikasi melalui panggilan video yang boleh dilakukan dengan menggunakan aplikasi WhatsApp atau Facebook Messenger.



(Gambar sumber internet)

Selain itu, internet boleh digunakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian kerana guru atau pensyarah tidak dapat bersemuka dengan pelajar masing-masing semasa PKP.

Guru-guru turut menggunakan WhatsApp untuk menyampaikan tugas yang perlu dilakukan oleh para pelajar manakala jawapan boleh diberikan melalui Google Form.

Bagi pelajar universiti pula, kebanyakan daripada mereka mengadakan kelas dalam Microsoft Teams dan Google Meet.

Kedua-dua aplikasi ini membolehkan para pensyarah dan pelajar berkomunikasi secara langsung. Perkongsian skrin melalui komputer juga membenarkan pensyarah berkongsi slaid daripada PowerPoint.

Seterusnya, rakyat Malaysia boleh melayari YouTube untuk mengisi masa lapang sepanjang mereka berkurung di dalam rumah.

Mereka boleh mempelajari banyak ilmu baharu melalui video-video yang dimuat naik seperti belajar memasak resipi yang berbeza.

Mereka juga boleh menonton video berkaitan senaman dan kecergasan yang dikongsi oleh netizen melalui YouTube, Twitter dan Instagram.

Internet juga membantu rakyat Malaysia membeli makanan tanpa perlu keluar dari rumah melalui aplikasi seperti GrabFood dan FoodPanda.

Memandangkan pembayaran mesti dilakukan secara dalam talian, penjual dan pembeli tidak bersemuka justeru mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 ketika mengurus niaga.

Jika sebelum ini ramai yang keberatan menggunakan internet untuk melakukan urusan jual beli, berkomunikasi dan belajar, pandemik COVID-19 telah mengubah segala-galanya.

Mungkin mereka bimbang tentang tahap keselamatan apabila melakukan urusan niaga yang melibatkan wang kerana takut digodam atau maklumat peribadi dicuri oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Tanggapan itu terbukti kurang tepat kerana insiden seperti penggodaman dan kecurian maklumat peribadi boleh dianggap sebagai kes terpencil.

Secara keseluruhan, internet telah memudahkan kehidupan rakyat Malaysia yang diarahkan berkurung di dalam rumah masing-masing sepanjang tempoh PKP.